



#### Pelajar Perubatan UPM Rawat 350 Penduduk Kampung Kenanga



*Prof. Madya Dr. Latiffah A. Latiff menurjukkan cara menggunakan alat palitan khas kato dan pap smear kepada penduduk kampung.*

**RAWANG, 6 Mac** – Seramai 120 pelajar, penyelidik dan pakar dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Putra Malaysia (UPM) telah memberi rawatan percuma dan nasihat kesihatan kepada penduduk kampung Kenanga melalui Karnival Kesihatan Kenanga di sini.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Komuniti UPM, Prof. Madya Dr. Latiffah A. Latiff berkata seramai 350 penduduk kampung telah datang membuat pemeriksaan kesihatan dengan 100 daripadanya menjalani rawatan.

Beliau berkata sebagai kampung angkat UPM, FPSK telah menjalankan program yang sama sebanyak tiga kali pada tahun 2003, 2005 dan 2008 untuk penduduk kampung Kenanga.

"Penyertaan pelajar FPSK memberi pendedahan praktikal kepada mereka dalam bidang pengajaran dan penyelidikan sebagai bakal doktor," katanya.

Beliau berkata melalui pendekatan tersebut, UPM dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap amalan cara hidup sihat bagi mengekalkan tahap kesihatan yang berkualiti dan produktif sepanjang hayat.

Karnival tersebut menawarkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan untuk sarungan penyakit kronik seperti pengerusan awal kanser paru-paru, payudara, servik, kanser rahim melalui alat palitan khas kato dan pap smear, kencing manis, tekanan darah tinggi, masalah obesiti dan klinik quit smoking.

Dr. Latiffah berkata sempena karnival tersebut, penyelidik UPM yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Mohamad Aziz Dollah dan Prof. Dr. Syed Tajuddin Syed Hasan turut membentangkan hasil kajian kesihatan menopause terhadap 69 wanita kampung itu yang menerima suplemen habatussauda.

Dekan Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan UPM, Prof. Dr. Azhar Md Zain berkata program tersebut turut membuat aktiviti penyelidikan perubatan dan kesihatan bagi menangani masalah kesihatan kronik.

"Kajian tersebut ialah menilai tahap pengetahuan dan sikap wanita terhadap penyakit kanser servik atau pangkal rahim yang merupakan kanser kedua penyebab kematiian wanita di Malaysia," katanya.

FPSK bertindak sebagai urusetia program yang dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Kuang, Abdul Shukur Idrus dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan Kampung Kenanga, Hospital Serdang dan Pejabat Kesihatan Gombak.

Sementara itu pelajar perubatan tahun tiga, Tuang Wei Xuan berkata minat mendalam terhadap khidmat masyarakat keshatan membolehkannya mengaplikasikan pengajaran perubatan yang dipelajari di universiti.

"Saya berharap karnival kesihatan ini dapat dibuat dengan lebih kerap semasa cuti semester supaya UPM boleh mendekati masyarakat," katanya yang telah menyertai tiga karnival kesihatan UPM sebelum ini.

Siswazah doktor falsafah FPSK, Kalsom Mohd. Ghazali berkata program tersebut memberi pendedahan awal dan latihan praktikal untuk meningkatkan pengetahuan cara berinteraksi dengan pesakit.

**Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.**